7.0 Apakah aktiviti yang melibatkan haiwan yang memerlukan lesen?

Tiada seorang pun boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan, melainkan jika dia memegang sesuatu lesen yang sah. Aktiviti berikut dianggap sebagai aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan bagi maksud Enakmen ini:

1. Penginapan haiwan
2. Menunggang dan mengepung haiwan
3. Persembahan haiwan
4. Pembiakan haiwan
5. Penyelidikan, ujian dan pengajaran mengenai haiwan
6. Penyelamatan dan pemulihan haiwan
7. Aktiviti yang berhubung dengan tempat kurungan dan perlindungan haiwan
8. Kuarantin haiwan
9. Latihan haiwan
10. Aktiviti tempat kurungan haiwan hidup untuk jualan
11. Aktiviti tempat kurungan haiwan hidup bagi pemuliharaan atau hiburan
12. Jagaan atau rawatan haiwan
13. Penyembelihan haiwan
14. Pelupusan haiwan
15. Kawalan haiwan terbiar oleh mana-mana individu, organisasi atau pertubuhan perbadanan

8.0 Apakah penalti bagi kesalahan menjalankan aktiviti di atas tanpa lesen di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015

Denda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

9.0 Apakah penalti bagi kesalahan tidak mempamerkan lesen di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015

Denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

10.0 Kaedah Penguatkuasaan Enakmen Kebajikan Haiwan 2015



11.0 Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Aras 3, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah.
Malaysia.

Tel.: 088-287400 (Ibu Pejabat) 088-287421 (Fax)
Email: dvs@sabah.gov.my

DVS Beaufort:	**087-225612 (Tel)**
DVS Kota Kinabalu :	**088-251233 (Tel)**
DVS Kudat :	**088-620202 (Tel)**
DVS Keningau:	**087-332539 (Tel)**
DVS Sandakan:	**089-213912 (Tel)**
DVS Tawau:	**089-713482 (Tel)**

ENAKMEN KEBAJIKAN HAIWAN 2015

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SABAH

Edisi Pertama

Enakmen Kebajikan Haiwan 2015

Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 2hb Januari, 2016 yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta No. 308/2015.

1.0 Apakah Tafsiran Haiwan?

Tafsiran"haiwan" mengikut Seksyen 2:-

"haiwan" ertinya apa-apa makhluk hidup selain manusia dan termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 [*No. 6 tahun 1997*].

2.0 Apakah fungsi dan kuasa Enakmen Haiwan 2015?

Seksyen 3.(1) Pengarah hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa berikut:

(a) Untuk mempromosikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan;
(b) Untuk memberikan pendidikan berhubung dengan layanan berperikemanusiaan kepada haiwan dan untuk menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung dengan tindakan mengakibatkan trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
(c) Untuk mencegah penyebab trauma, kesakitan atau penderitaan ke atas haiwan dan pencegahan pembunuhan yang tidak perlu;
(d) Untuk mentadbirkan perlindungan haiwan, termasuklah haiwan di rumah penyelamat, tempat perlindungan haiwan atau kawasan perlindungan;
(e) Untuk memantau kerja atau aktiviti persatuan atau badan yang ditubuhkan bagi maksud kebajikan haiwan dan bagi mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
(f) Untuk memantau situasi dan keadaan tempat di mana haiwan boleh diberikan tempat perlindungan apabila haiwan itu lemah atau memerlukan perlindungan;
(g) Untuk menasihatkan Menteri mengenai perkara berhubung dengan kebajikan haiwan dan pencegahan penganiayaan;
(h) Untuk mentadbir, menguatkuasakan dan memastikan pelaksanaan Enakmen ini; dan
(i) Untuk melakukan semua perkara yang sesuai manfaat dan perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

3.0 Apakah perkara yang berhubung dengan kebajikan haiwan mengikut Seksyen 14.(1)(a) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015

Pemunya atau pemegang lesen hendaklah mempunyai kewajiban untuk memastikan keperluan haiwan dipenuhi iaitu:

(i) keperluannya untuk tempat tinggal dalam persekitaran yang sesuai;
(ii) keperluannya untuk diet yang sesuai;
(iii) keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
(iv) keperluan untuk haiwan itu ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
(v) keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

4.0 Apakah penalti bagi tidak memenuhi keperluan haiwan bagi pemunya haiwan dan pemegang lesen di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015

Denda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

5.0 Apakah Penganiayaan Terhadap Haiwan mengikut Enakmen Kebajikan Haiwan 2015?

Mana-mana perbuatan penganiayaan atau perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang memiliki mana-mana haiwan dan termasuklah mana-mana orang yang pada masa ini yang bertanggungjawab tentang mana-mana haiwan seperti yang dalam:

(i) Seksyen 18 - Kesalahan penganiayaan
(ii) Seksyen 19 - Pembunuhan haiwan
(iii) Seksyen 20 - Pemberian racun
(iv) Seksyen 21 - Aktiviti perlagaan haiwan
(v) Seksyen 22 - Kegagalan menjalankan jagaan dan pengawasan yang munasabah

6.0 Apakah penalti bagi kesalahan penganiayaan terhadap haiwan di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015?

(Seksyen 18 hingga Seksyen 21)

Denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

(Seksyen 22)

Denda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.